

Pakar sertai jawatankuasa sensitif alam

KUALA LUMPUR: Kementerian Wilayah Persekutuan menubuhkan Jawatankuasa Sensitif Alam Sekitar bagi memperincikan semua projek pembangunan di kawasan lereng bukit di seluruh kawasan tadbirannya.

Timbalan Menterinya, Datuk Wira Abu Seman Yusof, berkata jawatankuasa khas itu akan dianggotai pakar termasuk daripada Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram), Jabatan Geo Sains, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Teknikal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Ia akan bertanggungjawab meneliti pelbagai aspek teknikal seperti keselamatan penduduk, alam sekitar, fizikal dan struktur tanah," katanya pada sidang media selepas melawat Taman Bukit Mas di sini, petang semalam.

Beliau berkata, jawatankuasa itu akan menyaring semua cadangan projek yang sebelum ini diluluskan oleh DBKL.

Penumbuhan jawatankuasa khas itu susulan bantahan penduduk terhadap projek blok pangsapuri tujuh tingkat dan blok villa bandar enam tingkat merangkumi 74 unit kediaman di lereng curam di kawasan berkenaan.

Jumaat lalu, kira-kira 1,000 penduduk di Taman Bukit Mas membantah cadangan projek pembangunan berkenaan yang dikatakan terletak 100 meter dari kediaman.

Abu Seman berkata, tugas pertama jawatankuasa itu adalah memperincikan masalah membatikan Taman Bukit Mas dekat sini yang mana hasil kajian akan memakan masa antara sebulan sehingga empat bulan.

Laporan jawatankuasa akan menentukan projek dibenarkan atau sebaliknya.